

KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 16 OGOS 2017 (RABU)

Bil	Tajuk	Akhbar
1.	PSKT to have Antarctica Research Gallery – Ahmad Razif	BERNAMA
2.	Akta Kutub Malaysia akan dibentang	Harian Metro Online
3.	YPASM peruntuk RM2.6 juta	Sinar Harian
4.	YPASM bantu saintis muda buat penyelidikan	Sinar Harian Online
5.	Draf Akta Antartika Malaysia hampir siap	Kosmo Online
6.	Industri herba perlu saintifik	Utusan Malaysia
7.	Kadar hujan luar biasa punca banjir kilat di Sabah	BERNAMA
8.	It's not supposed to rain but weather experts know why	The Star
9.	Jabatan, agensi kerajaan digesa bersedia hadapi banjir	Utusan Online
10.	Hujan seluruh negara diramal berkurangan pada 18 Ogos	Sinar Harian Online
11.	Sinergi empat IPT bentuk konsortium halal	Utusan Malaysia



PSKT To Have Antarctica Research Gallery - Ahmad Razif

KUALA TERENGGANU, Aug 15 (Bernama) -- The Terengganu Science and Creative Centre will set up the Antarctica Research Gallery through a collaboration between the state government, **Sultan Mizan Antarctica Research Foundation (YPASM) and the Ministry of Science, Technology and Innovation (MOSTI).**

Menteri Besar Datuk Seri Ahmad Razif Abd Rahman said the gallery would showcase the results of research conducted by Malaysian scientists in Antarctica as well as its contribution to mankind.

"The gallery will record all the research activities conducted in Antarctica so that it could motivate more of the younger generation to pursue scientific knowledge in the area.

"This objective (to open the gallery) has been conveyed to MOSTI and YPASM. It is a continuity of the Islamic Scientist programme which the state government launched some years ago," he said.

Ahmad Razif was speaking to reporters after the opening of the Seventh Malaysia-Antarctica International Seminar (MISA7) by the Sultan of Terengganu, Sultan Mizan Zainal Abidin here today.

Also present were **MOSTI minister Datuk Seri Wilfred Madius Tangau** and vice-chancellor of Universiti Malaysia Terengganu (UMT), Prof Datuk Dr Nor Aieni Mokhtar.

Each year, YPASM allocates RM500,000 for various research projects on Antarctica.

Ahmad Razif said the state government also hoped that MOSTI would provide a quota for students from Terengganu to be involved in programmes in Antarctica.

Malaysian scientists have carried out various research projects in Antarctica, especially relating to global environmental phenomena such as the thinning of the atmospheric ozone layer, global warming, climate change and changes in sea levels, and their effects on Earth.

-- BERNAMA



Akta Kutub Malaysia akan dibentang



KEMENTERIAN Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) akan membentangkan Akta Kutub Malaysia di Parlimen bagi memberi peluang lebih ramai saintis di negara ini melakukan penyelidikan dan penerokaan di Kutub Utara serta Selatan.

Menterinya Datuk Seri Wilfred Madius Tangau berkata, akta itu akan dibentangkan di Parlimen selepas draf mengenainya diteliti dan diluluskan Jabatan Peguam Negara.

"Tujuan utama pembentangan akta ini ialah untuk menubuhkan Institut Sains Polar Malaysia yang berperanan melonjakkan pembabitan negara melakukan penyelidikan dan penerokaan di Kutub Utara dan Selatan.

"Sekiranya draf ini mendapat kelulusan Jabatan Peguam Negara, ia akan dibentangkan di Parlimen untuk digubal," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas perasmian Seminar Antarabangsa Malaysia Mengenai Antartika kali ketujuh di Kuala Terengganu, hari ini.

Majlis perasmian disempurnakan Sultan Terengganu, Sultan Mizan Zainal Abidin yang juga penaung Yayasan Penyelidikan Antartika Sultan Mizan (YPASM).

Hadir sama, Menteri Besar Datuk Seri Ahmad Razif Abd Rahman; Setiausaha Kerajaan negeri, Datuk Wan Nawawi Ismail; Yang Dipertua Dewan Undangan negeri, Datuk Mohd Zuber Embong; Pengerusi Program Penyelidikan Antartika Malaysia, Tan Sri Dr Salleh Mohd Nor dan Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Sains, Teknologi dan Tranformasi kerajaan, A Latiff Awang.

Wilfred Madius berkata, akta itu perlu diwujudkan berikutan keanggotaan bersejarah negara dalam Perjanjian Antartika yang ditandatangani pada 31 Oktober 2011.

"Keanggotaan negara dalam perjanjian ini membolehkan saintis negara terbabit secara langsung untuk melakukan semua penyelidikan di benua Antartika tanpa melalui negara lain," katanya.

Menurutnya, setakat ini negara sudah menghantar 120 saintis ke benua Antartika untuk melakukan penyelidikan, tetapi terpaksa melalui negara anggota lain.

YPASM peruntuk **RM2.6 juta**

Buat penyelidikan berkaitan perubahan iklim di Antartika sejak 2012

NORHAFAZA MUSA

KUALA TERENGGANU - Yayasan Penyelidikan Antartika Sultan Mizan (YPASM) memperuntukkan sebanyak RM2.6 juta yang sebahagian besarnya dianugerahkan kepada saintis muda negara untuk membuat penyelidikan berkaitan perubahan iklim di Antartika sejak 2012.

Terbaharu, geran penyelidikan dan skim fellowship meliputi jumlah RM636,100 dikurniakan kepada penerima dari empat institusi pe-

ngajian tinggi awam (IPTA) iaitu Universiti Malaya (UM), Universiti Malaysia Sabah (UMS), Universiti Putra Malaysia (UPM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan satu Skim Fellowship.

Penaung YPASM, Sultan Terengganu Sultan Mizan Zainal Abidin bertitah, saintis dari negara ini sudah membuktikan berada sebaris dengan negara maju membabitkan penyelidikan mengenai perubahan iklim.

"Malah, saintis Malaysia sering dirujuk oleh rakan sejawat mereka dari negara lain berkaitan isu perubahan iklim," titah baginda sebelum menyempurnakan Seminar Antarabangsa Malaysia Mengenai Antartika kali ketujuh (MISA7) di Hotel Primula, Kuala Terengganu, semalam.

INFO
● Sebahagian besarnya dianugerahkan kepada saintis muda negara

Hadir sama, Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Seri Wilfred Madius Tangau; Menteri Besar, Datuk Seri Ahmad Razif Abd Rahman dan Naib Canselor Universiti Malaysia Terengganu (UMT), Datuk Profesor Dr Nor Aieni Mokhtar.

Sultan Mizan bertitah, penyelidikan di Kutub Utara dan Selatan amat penting bagi mengesan perubahan iklim sekali gus mencari kaedah memelihara dan melindungi alam sekitar dan ekosistem.

"Perubahan iklim dapat dilihat melalui pencairan ketulan ais di Antartika yang diramalkan akan



Sultan Mizan Zainal Abidin berkenan melawat pameran Seminar Antarabangsa Malaysia Mengenai Antartika kali ketujuh di Hotel Primula, Kuala Terengganu, semalam.

berterusan.

"Semua kesan itu memberi impak kepada kepelbagaian bio yang boleh memberi kesan negatif kepada

perubahan sosio ekonomi termasuk kemerosotan dalam pertumbuhan ekonomi, kapasiti tenaga kerja dan kesihatan manusia," titahnya.





YPASM bantu saintis muda buat penyelidikan



Sultan Mizan Zainal Abidin berkenan melawat pameran Seminar Antarabangsa Malaysia Mengenai Antartika kali ketujuh di Hotel Primula, Kuala Terengganu, hari ini.

KUALA TERENGGANU - Yayasan Penyelidikan Antartika Sultan Mizan (YPASM) sudah memperuntukkan sebanyak RM2.6 juta yang sebahagian besarnya dianugerahkan kepada saintis muda negara untuk membuat penyelidikan berkaitan perubahan iklim di Antartika sejak 2012.

Terbaru, geran penyelidikan dan skim fellowship meliputi jumlah RM636,100 dikurniakan kepada penerima dari empat institusi pengajian tinggi awam (IPTA) iaitu Universiti Malaya (UM), Universiti Malaysia Sabah (UMS), Universiti Putra Malaysia (UPM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan satu Skim Fellowship.

Penaung YPASM, Sultan Terengganu Sultan Mizan Zainal Abidin bertitah, saintis dari negara ini sudah membuktikan berada sebaris dengan negara maju membabitkan penyelidikan mengenai perubahan iklim.

"Malah, saintis Malaysia sering dirujuk oleh rakan sejawat mereka dari negara lain berkaitan isu perubahan iklim," titah baginda sebelum menyempurnakan Seminar Antarabangsa Malaysia Mengenai Antartika kali ketujuh (MISA7) di Hotel Primula, Kuala Terengganu, hari ini.

Hadir sama, **Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Seri Wilfred Madius Tangau**; Menteri Besar Datuk Seri Ahmad Razif Abd Rahman dan Naib Canselaor Universiti Malaysia Terengganu (UMT), Datuk Profesor Dr Nor Aieni Mokhtar.

Sultan Mizan bertitah, penyelidikan di Kutub Utara dan Selatan amat penting bagi mengesan perubahan iklim sekali gus mencari kaedah untuk memelihara dan melindungi alam sekitar dan ekosistem.

"Perubahan iklim dapat dilihat melalui pencairan ketulan ais di Antartika yang diramalkan akan berterusan.

"Semua kesan itu memberi impak kepada kepelbagaian bio yang boleh memberi kesan negatif kepada perubahan sosio ekonomi termasuk kemerosotan dalam pertumbuhan ekonomi, kapasiti tenaga kerja dan kesihatan manusia," titahnya.



Draf Akta Antartika Malaysia hampir siap



Wilfred Madius (kiri) pada sidang selepas menghadiri Seminar Antarabangsa Antartika Malaysia Ketujuh.

KUALA TERENGGANU - Draf Akta Antartika Malaysia yang dicadangkan sejak tahun 2011 kini dalam peringkat akhir untuk disiapkan dan dijangka bakal dibentangkan di Parlimen untuk kelulusan pada masa terdekat.

Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Seri Wilfred Madius Tangau berkata, pembentangan akta tersebut bertujuan membuka jalan kepada Malaysia untuk memohon menjadi salah satu anggota dalam Mesyuarat Perundingan Perjanjian Antartika.

"Akta berkenaan menjadi pra-syarat penting kepada Malaysia untuk diterima sebagai ahli dalam Sistem Perjanjian Antartika. Ia juga menguatkan lagi komitmen negara dalam usaha-usaha memelihara Antartika sebagai warisan umum global untuk sains dan keamanan.

"Sebagai langkah sementara, kita telah membangunkan Pelan Halatuju Kutub Kebangsaan sebagai medium untuk mentadbir ekonomi dan dorongan saintifik," katanya kepada pemberita selepas menghadiri Seminar Antarabangsa Antartika Malaysia Ketujuh (MISA7) yang disempurnakan Sultan Terengganu, Sultan Mizan Zainal Abidin di sini hari ini.

Turut hadir Menteri Besar Terengganu, Datuk Seri Ahmad Razif Abd. Rahman dan Naib Canselor Universiti Malaysia Terengganu, Prof. Datuk Dr. Nor Aieni Mokhtar.

MISA7 yang merupakan seminar dwitahunan dihadiri lebih 100 peserta terdiri daripada saintis dalam dan luar negara, para penyelidik dan penggubal polisi bagi berkongsi pendapat dan hasil kajian terkini berhubung menangani isu alam sekitar khususnya di Antartika dan Artik.

KERATAN AKHBAR
UTUSAN MALAYSIA (UTUSAN KOTA) : MUKA SURAT 28
TARIKH : 16 OGOS 2017 (RABU)

LEMBAH KLANG
NEGERI SEMBILAN
MELAKA



ABU BAKAR MOHAMAD DIAH bersama peserta Program Sesi Dialog Transformasi Nasional 2050 di Dewan Taming Sari Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah (MBMB), baru-baru ini. -UTUSAN/ SUFFIAN ABU BAKAR (UTUSAN)

Industri herba perlu saintifik

MELAKA 15 Ogos - Kerajaan perlu terus memberi sokongan terhadap industri berasaskan herba di negara ini kerana dalam tempoh 30 tahun akan datang ia memerlukan bukti saintifik untuk mendapat tempat dalam kalangan pengguna.

Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Dr. Abu Bakar Mohamad Diah berkata, selain bukti saintifik industri tersebut yang sudah pasti berubah corak pada masa akan datang perlu diberi sokongan khususnya dari segi model pembangunan perniagaan, khidmat bimbingan dan nasihat, dana serta kemudahan bertaraf antarabangsa.

Katanya, kedudukan Malaysia sebagai antara negara yang memiliki kepelbagaian biodiversiti yang tinggi memberi satu pemangkin kepada usaha melahirkan usahawan berasaskan herba.

"Bagi tempoh 30 hingga 50 tahun akan datang, industri herba tidak hanya boleh bergantung kepada testimoni manusia untuk bersaing.

"Untuk itu industri herba perlu sokongan bukti teknikal dan saintifik kerana waktu itu, bukti saintifik lebih dapat meyakinkan masyarakat," katanya selepas menghadiri Program Sesi Dialog Transformasi Nasional 2050 (TN50) bertajuk: Aplikasi STI Pemangkin Produktiviti dan Daya Saing Perusahaan di Dewan Taming Sari Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah (MBMB) di sini baru-baru ini.

Sesi TN50 yang dihadiri hampir 100 peserta itu melibatkan penyertaan peserta daripada institusi pengajian tinggi awam dan swasta di seluruh negeri ini dan dikendalikan oleh Pegawai

Jabatan Hal Ehwal Khas (Jasa) Melaka, Abd. Jameel Abd. Jabar selaku moderator.

Menurut Abu Bakar, untuk berkembang ke pasaran global, penyelidikan untuk meningkatkan kualiti, piawaian, keberkesanan dan keselamatan produk tempatan perlu diberi keutamaan," katanya.

Tambah beliau, pada masa akan datang, pengguna komited terhadap penghasilan produk yang berkualiti tinggi, bersih, selamat dan halal, menepati piawaian antarabangsa dan tempatan.

"Bukti saintifik amat membantu pengusaha industri herba untuk berdiri teguh dalam menyediakan platform yang selesa untuk memulakan perniagaan serta membantu dari segi latihan perniagaan dan promosi produk secara berterusan," katanya.



Kadar Hujan Luar Biasa Punca Banjir Kilat Di Sabah

KOTA KINABALU, 15 Ogos (Bernama) -- Kadar hujan luar biasa yang turun sejak dua hingga tiga hari lepas dikenal pasti sebagai punca kejadian banjir kilat yang melanda banyak kawasan di sekitar bandar raya Kota Kinabalu dan daerah sekitarnya.

Datuk Bandar Dewan Bandaraya Kota Kinabalu (DBKK) Datuk Yeo Boon Hai berkata berdasarkan data yang diperoleh daripada **Jabatan Meteorologi Malaysia di Sabah**, kadar hujan pada tempoh itu ialah antara 86 milimeter (mm) sehari hingga 135mm sehari.

"Biasanya kadar hujan (normal) ialah antara 30mm hingga 50mm sehari. Tetapi dalam dua, tiga hari ini ia (kadar hujan) menjangkau 86mm ke 135mm sehari. Disebabkan terlalu banyak air, kawasan kita tidak dapat menampung air berkenaan menyebabkan berlakunya banjir kilat," katanya kepada pemberita di sini hari ini.

Turut hadir dalam sidang media berkenaan ialah Pembantu Menteri kepada Ketua Menteri, Datuk Edward Yong Oui Fah serta Menteri Pembangunan Masyarakat dan Hal Ehwal Pengguna Sabah Datuk Jainab Ahmad Ayid.

Menurut Yeo yang juga Pengerusi Jawatankuasa Bencana Daerah Kota Kinabalu, Bilik Gerakan Bencana Daerah yang diaktifkan sejak semalam menerima 50 panggilan daripada orang ramai termasuk dari luar daerah Kota Kinabalu seperti Penampang, Tuaran malah Sandakan.

Katanya, daripada jumlah berkenaan, 29 panggilan adalah berkaitan premis dilanda banjir sementara selebihnya berkaitan dengan jalan raya terjejas banjir, parit tersumbat serta pelbagai aduan lain.

Sementara itu, beliau berkata berdasarkan maklumat yang diterima daripada Jabatan Meteorologi, kadar hujan yang akan turun sehingga Jumaat dijangka pada kadar luar biasa dan fenomena berkenaan berpunca daripada perubahan corak arah tiupan angin.

Justeru, beliau menasihatkan anggota masyarakat agar lebih berwaspada terhadap keadaan cuaca sekarang yang dijangka berterusan hingga Jumaat.

Yeo juga berkata, pihaknya akan menguatkuasakan Arahan 20 Majlis Keselamatan Negara yang membolehkan beliau sebagai Pengerusi Jawatankuasa Bencana Daerah Kota Kinabalu untuk memasuki mana-mana kawasan tanpa perlu meminta kebenaran daripada pemilik kawasan berkenaan.

Sementara itu, Yong berkata berdasarkan data yang diterima daripada pihak yang bertanggungjawab menyelenggara sistem perparitan di sekitar DBKK, pihaknya mendapati perparitan diselenggara dengan baik.

Berkenaan dengan pelan jangka panjang menyelesaikan banjir kilat di kawasan Kota Kinabalu dan Penampang, Yong berkata, kerajaan persekutuan sudah meluluskan beberapa projek tebatan banjir di Sungai Moyog di Penampang, Lido dan Menggatal.

Katanya peruntukan dua fasa projek tebatan banjir Sungai Moyog yang bernilai RM281 juta dijangka siap dalam tempoh tiga hingga tiga setengah tahun akan datang manakala projek di Lido dan Menggatal yang masing-masing bernilai RM76 juta dan RM36 juta masih dalam proses tender.

-- BERNAMA

KERATAN AKHBAR
THE STAR (NATION) : MUKA SURAT 14
TARIKH : 16 OGOS 2017 (RABU)

It's not supposed to rain but weather experts know why

PETALING JAYA: The heavy bouts of rain these few days are raising many an eyebrow because this time of the year is when Malaysia is, by norm, hot and dry.

But weather experts aren't surprised.

"The downpour in many areas in Peninsular Malaysia is caused by the north-westerly winds coming

from the Indian Ocean, transmitting high humidity to Malaysia.

"The rains in Sabah and Sarawak are caused by high moisture levels in the air and active oscillation, resulting in thunderstorms," said Malaysian Meteorological Department director-general Alui Bahari.

He said the rains would subside on Friday.

Fire and Rescue Department director-general Datuk Wira Wan Mohd Nor Ibrahim said firemen were busy responding to weather-related disasters. And so is the Malaysian Civil Defence Force (APM).

A spokesman told *The Star* that APM officers and assets were already deployed to flood hotspots.

"Our role is to carry out rescue operations and transport victims to the relief centres," he said. "We also clean and inspect the victims' homes for any venomous creatures."

APM also provides training, especially to those living in flood-prone areas, on what needs to be done should a disaster occur.



Jabatan, agensi kerajaan digesa bersedia hadapi banjir

KOTA KINABALU 15 Ogos - Semua jabatan dan agensi kerajaan digesa bersiap siaga dalam melakukan pemantauan secara berkala bagi menghadapi bencana alam seperti banjir kilat yang berlaku di beberapa daerah di pantai barat Sabah.

Setiausaha kerajaan negeri, Tan Sri Sukarti Wakiman berkata, agensi kerajaan terlibat juga perlu bersedia untuk menyalurkan bantuan kepada penduduk yang terjejas akibat bencana alam itu termasuk usaha-usaha pemindahan.

Malah menurutnya, Pusat Kawalan Operasi Bencana telah diaktifkan di beberapa daerah terjejas bagi menyelaraskan tindakan bantuan dan penyelamatan jabatan serta agensi kerajaan di bawah Jawatankuasa Pengurusan Bencana Daerah (JPBD).

"Sehingga pukul 12 tengah hari ini, tiga pusat pemindahan dibuka di daerah Penampang, Papar dan Kota Belud," katanya dalam kenyataan di sini hari ini.

Sementara itu, Datuk Bandar Kota Kinabalu, Datuk Yeo Boon Hai berkata, taburan hujan luar biasa selama dua hari berturut-turut menyebabkan bandar raya ini dan kawasan sekitar dilanda banjir kilat.

Katanya, berdasarkan laporan **Jabatan Meteorologi**, sejumlah 135 milimeter (mm) taburan hujan berlaku semalam, berbanding keadaan biasa iaitu di antara 30 hingga 50 mm sehari.

"Jumlah ini adalah dua kali ganda berbanding taburan hujan biasa dan kejadian hujan lebat selama dua hari ini mengakibatkan banyak kawasan dinaiki air termasuk sekolah.

"Bagaimanapun, syarikat konsesi yang melakukan kerja-kerja penyelenggaraan perparitan mengesahkan tiada masalah parit tersumbat hingga menyebabkan banjir," katanya pada sidang akhbar pihak berkuasa tempatan (PBT) Berhubung Banjir di Dewan Bandaraya Kota Kinabalu, di sini hari ini.

Mesyuarat itu dihadiri pelbagai agensi berkaitan seperti Jabatan Pengairan dan Saliran, Jabatan Meteorologi, Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia serta Jabatan Kebajikan Masyarakat. - UTUSAN ONLINE



Hujan seluruh negara diramal berkurangan pada 18 Ogos



Banjir. - Foto Bernama

KUALA LUMPUR - Taburan hujan yang banyak sejak kebelakangan ini sehingga mengakibatkan banjir di beberapa buah negeri, diramal akan berkurangan mulai 18 Ogos depan, kata **Ketua Pengarah Jabatan Meteorologi Malaysia (MetMalaysia) Alui Bahari**.

Beliau berkata keadaan hujan yang lebat sejak beberapa hari lepas adalah disebabkan angin barat laut dari Lautan Hindi yang membawa lembapan dari sana terus ke Malaysia.

"Manakala hujan lebat sehingga mengakibatkan banjir di beberapa kawasan di Sabah dan Sarawak berpunca daripada faktor kelembapan udara yang tinggi yang menyebabkan pembentukan awan ribut petir," katanya ketika dihubungi Bernama di sini, hari ini.

Alui berkata pada kebiasaannya pada bulan ini sehingga September adalah musim kering iaitu kekerapan taburan hujan adalah sedikit, namun atas faktor angin barat laut dari Lautan Hindi itu, keadaan cuaca di seluruh negara telah berubah.

Buat masa ini, negeri-negeri di pantai barat Semenanjung Malaysia menerima taburan hujan yang banyak, lazimnya taburan hujan yang banyak akan berlaku bulan April dan Oktober iaitu musim peralihan monsun dan bulan November sehingga Januari iaitu musim tengkujuh, katanya.

Ditanya adakah taburan hujan ini akan berterusan atau hanya sementara sahaja, Alui berkata taburan hujan yang dialami di seluruh negara adalah normal dan bukannya sesuatu yang luar biasa berdasarkan pemantauan secara berkala oleh MetMalaysia.

Dalam pada itu, ketepatan cuaca untuk tujuh hari yang dikeluarkan MetMalaysia adalah 65 peratus manakala ketepatan ramalan cuaca untuk tempoh tiga hari ialah sebanyak 75 peratus, katanya.

MetMalaysia akan sentiasa mengemaskini sebarang perubahan cuaca sekiranya ada, kata Alui. Sehubungan, beliau menasihati orang ramai untuk mendapat maklumat mengenai cuaca dengan melayari laman web MetMalaysia di www.met.gov.my atau menghubungi hotline di 1-300-221638 manakala untuk maklumat banjir boleh diperolehi di publicinfobanjir.water.gov.my.

KERATAN AKHBAR
UTUSAN MALAYSIA (MEGA MIMBAR) : MUKA SURAT 22
TARIKH : 16 OGOS 2017 (RABU)

APA KATA MEREKA?

"BAGI saya sinergi ini adalah satu rahmat, kerana dengan cara ini, USIM dapat bekerjasama dengan universiti bertaraf 'abang' dan 'kakak' yang lebih berpengalaman. Sebagai institut Islam, bidang halal sangat dekat dengan kita, oleh itu, kita sentiasa berusaha untuk memperkasa lagi untuk manfaat negara dan antarabangsa." -
PROFESOR DATUK DR. MUSA AHMAD

"KONSORTIUM ini membuka peluang kepada semua institusi terbabit untuk bekerjasama sama ada dalam penyelidikan, maklumat dan latihan dalam bidang halal. UPM sebagai IPT pertama mewujudkan institut halal menyambut baik usaha dijalankan ini." -
PROFESOR DATIN PADUKA DR. AINI IDERIS

"PENYELIDIKAN halal adalah satu bidang baru di UM, namun kita berharap dapat belajar daripada rakan institusi yang telah mempelopori bidang ini sekian lama dan dalam masa sama berharap dapat menyumbang kepada kepakaran sedia ada untuk memajukan lagi penyelidikan dalam bidang halal." -
PROFESOR DR. AWG. BULGIBA AWG. MAHMUD.

SINERGI penyelidikan halal IPT diyakini mampu melonjakkan industri halal negara ke peringkat global.

SEKTOR halal kini bukan lagi eksklusif kepada umat Islam, tetapi dilihat menjadi satu nilai universal yang semakin mendapat permintaan tinggi dalam pasaran di seluruh dunia. Ini kerana ramai menyedari, halal bukan sahaja dinilai kerana bebas daripada unsur alkohol dan babi semata-mata, tetapi turut meliputi keseluruhan proses penghasilan bermula daripada sumber bahan, proses pengeluaran dan produk akhir. Justeru, Malaysia yang merupakan antara peneraju sektor halal dunia terus menjadi rujukan untuk berkongsi kepakaran dan pengalaman kepada seluruh dunia.

Namun, permintaan pasaran global dan tempatan itu diakui tidak mampu dipenuhi satu pihak. Menyedari keperluan tersebut, empat institusi pengajian tinggi awam (IPTA) baru-baru ini menandatangani perjanjian persefahaman (MoU) bagi

peristiwa

MOHD. SHAH CHE AHMAD
 agama@utusan.com.my

membentuk Konsortium Institut Halal Malaysia. Institusi tersebut adalah Institut Penyelidikan dan Latihan Halal Antarabangsa (Inhart), Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM); Institut Penyelidikan dan Pengurusan Halal (IHRAM), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM); Institut Penyelidikan Produk Halal (HPRD) Universiti Putra Malaysia (UPM); dan Institut Penyelidikan Halal, Universiti Malaya (IHRUM). Rektor UIAM, **Profesor Datuk Seri Dr. Zaleha Kamaruddin** berkata, setiap IPTA terlibat

mempunyai kepakaran masing-masing, justeru kepakaran ini yang akan digunakan untuk membantu negara dalam memperkasa industri halal dalam dan luar negara.

Menerusi kerjasama itu juga tambahnya, diyakini mampu menghasilkan pelbagai ilmu dan hasil penyelidikan baharu dalam masa sama menghasilkan impak maksimum daripada dapatan kajian dijalankan.

"Saya mengukui, jika bergerak secara bersendirian kita tidak dapat memenuhi kehendak global, sebagai contoh di Inhart kita mendapat permintaan dari Korea, Jepun, Kanada dan beberapa buah negara lain. Dengan kemudahan prasarana dan tenaga kerja sedia ada tidak mencukupi.

"Industri halal global sangat besar, dianggarkan menyediakan peluang lebih

RM12.9 trilion setahun untuk diterokai dan dimanfaatkan bagi meningkatkan pertumbuhan ekonomi negara.

"Ini tidak mampu dipenuhi tanpa kerjasama daripada pelbagai pihak termasuk agensi kerajaan dan swasta," katanya ketika ditemui pemberita selepas menyempurnakan Majlis Menandatangani MoU tersebut di UIAM, Gombak, Selangor.

Yang turut hadir, Naib Canselor USIM, **Profesor Datuk Dr. Musa Ahmad**; Naib Canselor UPM, **Profesor Datin Paduka Dr. Aini Ideris**; dan Pemangku Naib Canselor UM, **Profesor Dr. Awg. Bulgiba Awg. Mahmud**.

Majlis menandatangani MoU itu disaksikan oleh Ketua Pengarah Jabatan Standard Malaysia, Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi, **Datuk Fadhliah Baharin** dan Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti Teknologi Mara (UiTM), **Tan Sri Dr. Ahmad Zaidee Laidin**.

TINGKAT NILAI KOMERSIAL

Perlu mendapatkan geran penyelidikan, menjalankan sesuatu kajian pada peringkat IPT lazimnya menelan belanja besar. Namun malangnya hasil dapatan kajian tersebut dilihat kurang memberi manfaat kepada golongan sasar kerana kebanyakan hasil kajian terhenti pada peringkat institusi dan tidak diperluas ke peringkat industri.

Sehubungan itu, **Zaleha** berkata, Konsortium Institut Halal Malaysia juga berperanan dalam pengkomersialan hasil penyelidikan yang dijalankan di samping membantu melindungi harta intelektual penyelidik.

"Setiap tahun banyak hasil kajian dikeluarkan oleh setiap universiti, namun malangnya kerana kekangan tertentu terutama kewangan, kajian tersebut tergantung dan tidak dapat dipasarkan.

"Lebih membimbangkan, terdapat sesetengah hasil kajian tersebut diambil oleh pihak tidak bertanggungjawab yang dapat menghidu nilai kebolehpasaran dengan menjadikannya sebagai pemilikan sendiri bagi mengaut keuntungan.

"Oleh itu, konsortium ini nanti yang akan melindungi hasil usaha penyelidik daripada diambil dalam masa sama dipasarkan untuk manfaat umum," jelasnya.

MUSA AHMAD (duduk dari kiri), **Awg. Bulgiba Awg. Mahmud**, **Zaleha Kamaruddin** dan **Aini Ideris** ketika menandatangani MoU penubuhan Konsortium Institut Halal Malaysia, di UIAM, Gombak, baru-baru ini.

Sinerigi empat IPT bentuk konsortium halal

